



Pesan ibu bantu tumbesaran si manja

SEORANG ibu memainkan peranan yang besar khususnya melibatkan proses perkembangan kanak-kanak.

Malah, mereka perlu menyesuaikan diri dengan pelbagai peranan dan mencari solusi terbaik, sesuai dengan tahap pembesaran si manja.

Atas kesedaran pentingnya peranan seorang ibu dalam membantu pembesaran dan mengilap kebijaksanaan anak-anak, jenama susu rumusan untuk kanak-kanak iaitu Dutch Lady Nutri Plan dengan 5X DHA menganjurkan Peraduan Mak Kata, Saya Anak Bijak.

Ini bertujuan memberi ruang bagi para ibu berkongsi pesanan sama ada yang menarik, lucu atau mengharukan yang berkaitan dengan kehidupan seharian anak-anak.

Menurut Pengarah Pemasaran Dutch Lady Malaysia, Ashlee Ng,

peraduan itu bertujuan untuk menghargai perjalanan seorang ibu dalam membesarkan anak menerusi pesanan-pesanan penuh hikmah dan memainkan pelbagai peranan dalam mendidik si manja.

“Seorang ibu memainkan pelbagai peranan dalam menyokong keperluan nutrisi dan sosial anak mereka.

“Oleh itu, kempen Mak Kata, Saya Anak Bijak menunjukkan bagaimana peranan dan gaya bimbingan seorang ibu berkembang selari dengan pembesaran si manja,” katanya menerusi satu kenyataan akhbar baru-baru ini.

Seramai sembilan pemenang bertuah bersama ahli keluarga mereka dipilih untuk beramah mesra dengan selebriti terkenal yang juga merupakan seorang ibu iaitu Scha Alyahya dan anaknya Lara Alana dalam satu majlis jamuan teh.

Kesemua pemenang membawa



SCHA ALYAHYA (lima dari kanan) bertemu pemenang peraduan Mak Kata, Saya Anak Bijak di Kuala Lumpur baru-baru ini

pulang sebuah kamera segera untuk merakamkan kenangan manis bersama keluarga mereka.

Selain itu, 250 penyertaan yang pertama pada setiap minggu menerima hadiah wang

tunai bernilai RM50 bagi setiap penyertaan bermula dari 1 Ogos hingga 30 September lalu.

Jadilah seorang ibu yang memainkan pelbagai peranan bersama Dutch Lady di sisi anda.